

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 14 Julai 2020 4:00 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PUSAT STEM: UNIVERSITI PENGURUSAN DALAM ACUAN BAHARU



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 JULAI 2020 / 22 ZULKAEDAH 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PUSAT STEM: UNIVERSITI PENGURUSAN DALAM ACUAN BAHARU



UUM ONLINE: Menuju era digitalisasi, UUM terus melebarkan sayap menerokai bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) pada masa sama tetap kekal sebagai Universiti Pengurusan.

"UUM berusia 36 tahun sudah sampai masanya universiti 'diverstify', universiti diasaskan sebagai universiti pengurusan kita tetap universiti pengurusan tetapi dalam bentuk acuan baharu yang lebih kompetatif.

“Apabila UUM bergerak ke arah STEM ramai yang bimbang dan tertanya-tanya adakah universiti pengurusan akan berubah? Ingin saya tegaskan di sini, saya tidak akan keluar dari kepompong pengurusan tetapi cuma bergerak dalam bentuk baharu,” kata Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani pada Bengkel Pusat STEM di Bilik Mesyuarat Eksekutif SOC, baru-baru ini.

Bengkel tersebut diadakan bertujuan membincangkan hasrat UUM menubuhkan Pusat STEM seperti yang dizahirkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darulaman.

Naib Canselor berkata, beliau setuju dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darulaman untuk melihat lebih serius tentang STEM memandangkan UUM memiliki 400 staf dalam bidang berkenaan dan universiti tidak perlu mengambil staf baru untuk melaksanakannya.

Beliau berkongsi aspirasi untuk menubuhkan UUM STEM Centre yang dijangka direalisasikan pada tahun ini dalam Pelan Strategik Fasa 3 (2021-2025).

Menurutnya, salah satu agenda Pelan Strategik Fasa 3 itu ialah penubuhan Pusat STEM agar dapat memacu agenda ranking dan rating untuk memastikan UUM berada di kelompok universiti terbaik dunia berusia 50 tahun ke bawah.

Katanya, dalam usaha itu, Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) akan membawa agenda STEM dan menggerakkan bersama warga kampus.

“Industri masa hadapan berpaksikan kepada teknologi, sudah sampai masanya saya mahu jadikan realiti bagi tujuan ranking, rating, menarik pelajar antarabangsa, pelajar cemerlang dan kerjasama industri.

“Justeru, UUM perlu menerokai bidang baru, berani berubah dan kita ada ‘talent’ terpulang bagaimana kita menggarap ‘talent’ tersebut untuk menghasilkan sesuatu yang menakjubkan seterusnya menjadi ‘champion’,” katanya.

Tambahnya, pada hari ini pendidikan telah menjadi satu komoditi dan sekiranya UUM tidak mampu menghasilkan produk baru sudah pasti universiti akan ketinggalan di belakang.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.